

08 APR 1996

Umno

50,000 HADIR ULANG TAHUN KE-50 UMNO

KUALA LUMPUR, 8 April (Bernama) -- Seramai 50,000 anggota Umno dan orang Melayu dijangka berkumpul pada malam 10 Mei ini di Dataran Merdeka untuk meraikan perayaan ulang tahun ke-50 Umno, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib.

Muhammad, yang juga pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis Tahlil dan Perhimpunan Perdana Ulangtahun ke-50 Umno, berkata upacara kemuncak malam itu ialah ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertema "Corak perjuangan dan orang Melayu pada tahun-tahun akan datang."

Majlis malam itu akan disiarkan secara langsung oleh RTM, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa berkenaan di ibu pejabat Umno di sini hari ini.

Muhammad, yang juga Menteri Besar Selangor, berkata selain ucapan penting Dr Mahathir, program malam itu akan turut disertai upacara menaikkan bendera Umno, nyanyian lagu-lagu patriotik dan tayangan video mengenai perjuangan dan harapan masa depan orang Melayu.

Katanya majlis akan bermula pada sebelah petang selepas solat Asar dengan diikuti solat hajat, bacaan surah Yasin dan tahlil.

Beliau berkata kira-kira 10,000 orang anggota Umno dari bahagian-bahagian di seluruh negara dijangka hadir pada majlis yang diadakan di Masjid Negara itu.

Katanya pada lewat petang mereka akan beredar dari Masjid Negara ke Dataran Merdeka dengan diikuti kumpulan lain yang turut berkumpul di tempat berkenaan.

Pada malam 10 Mei bas-bas khas akan membawa penumpang dari Pusat Dagangan Dunia Putra ke Dataran Merdeka manakala Kereta Tanah Melayu (KTM) Berhad diminta membuat perkhidmatan membawa penumpang dari Seremban, Klang dan Rawang.

Katanya pada malam keesokannya akan diadakan Jamuan Perdana yang dijangka dihadiri kira-kira 12,000 orang jemputan. -- BERNAMA

HT AKD